



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 25 / 2020

PEMAKLUMAN PINDAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KHAS BAGI AKTIVITI KEMPEN PRK DUN N.23 CHINI, PAHANG

1. Merujuk kepada Kenyataan Media SPR Bil. 23 / 2020 pada 15 Jun 2020 mengenai SOP khas bagi aktiviti kempen PRK DUN N.23 Chini, Pahang, berikut adalah beberapa pindaan berhubung SOP khas tersebut.
2. Selaras dengan keputusan semasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkaitan kelonggaran perintah kawalan pergerakan yang diumumkan pada 16 Jun 2020, SPR memutuskan untuk memberi kelonggaran kepada calon dan parti untuk berkempen secara berceramah dengan kapasiti tidak lebih dari 250 orang pada satu-satu masa dan tempat serta terhad di premis tertutup sahaja. Penganjur hendaklah memastikan pematuhan peraturan sedia ada serta SOP penjarakan sosial, amalan pemakaian pelitup muka separuh, penggunaan pensanitasi tangan, saringan suhu badan dan pengambilan rekod kehadiran yang teratur.
3. Bagi aktiviti kempen dari rumah ke rumah pengundi dan *walkabout* pula, hanya tiga (3) orang sahaja dibenarkan sama ada calon atau penyokong parti pada satu-satu masa dan tempat. Aktiviti bersentuhan atau bersalaman dengan bakal pengundi sama sekali tidak dibenarkan dan calon serta wakil calon yang

terlibat dengan kempen ziarah dari rumah ke rumah dan program *walkabout* perlu mematuhi peraturan sedia ada dengan mengamalkan jarak 1 meter, memakai pelitup muka separuh dan penggunaan pensanitasi tangan serta merekodkan senarai-senarai rumah yang dikunjungi. Calon juga digalakkan memaksimumkan kaedah kempen secara dalam talian (online) atau melalui saluran media sosial.

4. Berhubung penubuhan Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Utama), calon atau parti hanya dibenarkan untuk membuka satu Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Utama) dan tiada Bilik Gerakan Kecil atau tempat perkumpulan lain bagi calon atau parti dibenarkan.
5. SPR melalui tiga (3) Pasukan Pemantau Kempen Pilihan Raya (PPKPR) akan memantau semua aktiviti calon ketika berkempen termasuk pematuhan terhadap garis panduan pencegahan Covid-19 ini. Ini selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
6. Semua pihak yang terlibat dalam aktiviti berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.23 Chini diingatkan agar sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan, etika kempen pilihan raya dan garis panduan pencegahan Covid-19 sepanjang tempoh kempen pilihan raya yang bermula selepas perisytiharan calon pada 20 Jun 2020 sehingga jam 11.59 malam, 3 Julai 2020.

7. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika kempen pilihan raya serta garis panduan pencegahan Covid-19 di PRK tersebut bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya dan tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan awam. Hebahan mengenai garis panduan ini boleh dirujuk di laman sesawang spr iaitu www.spr.gov.my.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 19 Jun 2020 / 27 Syawal 1441H